

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

FEL 304 Dadah dan Masyarakat

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Anda ditanggungjawabkan untuk membentuk dasar Kerajaan tentang penyalahgunaan drug dari segi membenteraskan masalah tersebut.  
Bincangkan jawapan anda berpandukan masalah masakini di Malaysia.

(10 markah)

- (B) Beza dan bandingkan 'penyalahgunaan dadah', 'drug misuse' dan 'penggunaan drug secara nonmedical'. Beri contoh yang sesuai.

(10 markah)

2. "Penagihan adalah berdasarkan dependensi fizikal dan psikik yang ketara".

Jawab soalan yang berikut:

- (A) Adakah dependensi fizikal dan psikik mesti wujud sebelum berlakunya penagihan?
- (B) Adakah penagihan dan dependensi merupakan satu fenomenon yang sama? Jika tidak, beri alasan anda.
- (C) Yang mana lebih mustahak - dependensi fizikal atau dependensi psikik untuk mencirikan masalah penyalahgunaan drug? Terangkan mana satu dan mengapa ianya lebih mustahak.

(20 markah)

3. (A) Untuk mencirikan dependens kepada dadah, beberapa model telah dikemukakan untuk memantapkan fenomenon tersebut. Nyatakan apakah model-model tersebut dan andaian setiap satu.

(10 markah)

- (B) Apakah konsep yang telah cuba diutarakan oleh Merton (1957)? Di dalam tahun 1968 Lindesmith pula telah menyebarkan fahamnya sendiri. Terangkan idea beliau.

(10 markah)

4. (A) Laporan Pasukan Petugas Antidadah untuk 1987 telah mencatatkan bahawa 54% penagih dadah menggunakan drug untuk maksud 'keseronokan'. Bagaimanakah faktor 'keseronokan' (atau ingin tahu) ini boleh diatasi tanpa kesan nikmat drug tersebut.

(12 markah)

- (B) Apakah HIV? Terangkan mengapa penyakit ini dihubungkait dengan penyalahgunaan drug dan homoseks. Terangkan penyakit lain yang boleh dijumpai di dalam seseorang penagih itu.

(8 markah)

5. Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 telah membentuk dua corak rawatan.

- (A) Terangkan kedua-dua rawatan tersebut dari segi asas dan prinsipnya.

(10 markah)

- (B) Terangkan prosedur, langkah dan tahap yang perlu dijalani oleh seorang penagih dadah di Pusat Pemulihan.

(10 markah)

6. (A) Kanabis telah digunakan untuk maksud tertentu di dalam masyarakat dunia.

Bagaimanakah bahan ini boleh diterima atau ditolak kegunaannya?

(10 markah)

- (B) Apakah yang dimaksudkan dengan 'cold turkey'? Bincangkan jika proses tersebut boleh digunakan untuk drug seperti stimulan, alkohol dan kanabis, selain daripada opiat.

(5 markah)

- (C) Terangkan akibat farmakologi opiat atau alkohol yang diingini oleh penggunanya. Adakah faktor farmakologi ini sahaja yang menentukan bahawa dependens akan berlaku?

(5 markah)